From:	Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah
To:	Mohd Amirol Md Khair
Cc:	Nur Sulia Saari
Subject:	Fw: JEMPUTAN KE SESI TAKLIMAT BAGI PROGRAM EXECUTIVE DEVELOPMENT PROGRAMME (EDP) DI NATIONAL HRD INSTITUTE (NHI), KOREA SELATAN BAGI TAHUN 2022 - THE 86TH EDP (SENIOR) GRED 48 HINGGA 54
Date:	Monday, 4 July, 2022 10:00:53 AM

Assalamualaikum dan Selamat Pagi

Tuan

Merujuk kepada e-mel JPA bertarikh 28 Jun 2022 jam18.55 dibawah,
Di panjangkan e-mel berikut untuk rujukan dan tindakan tuan selanjutnya untuk permohonan BOM seperti yang dimaklumkan oleh Puan Sulia kepada saya, melalui panggilan telefon sebentar tadi.

Sekian, terima kasih

Saya yang menjalankan amanah,

Salam Hormat,
Siti Zaharah Mohamed
b/p Pejabat Timbalan Ketua Pengarah
013-3996525

From: MUHAMMAD SYAFIQ BIN AZMI (JPA) <syafiq.azmi@jpa.gov.my>
Sent: 28 June 2022 18:55
To: abdul.hadi@ciast.gov.my <abdul.hadi@ciast.gov.my>; johanif@tourism.gov.my <johanif@tourism.gov.my>; aidiazli@kpkt.gov.my <aidiazli@kpkt.gov.my>; azahari@nm.gov.my <azahari@nm.gov.my>; DR. AZURA BINTI HAMDAN (JPA) <azura.hamdan@jpa.gov.my>; dalila@um.edu.my <dalila@um.edu.my>; helmy@forestry.gov.my <helmy@forestry.gov.my>; knizan@jkr.gov.my <knizan@jkr.gov.my>; kogiladevi@mod.gov.my <kogiladevi@mod.gov.my>; Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah <Mazrina@mpc.gov.my>; rinizan@kedah.gov.my <rinizan@kedah.gov.my>; zamrimd@jkr.gov.my <zamrimd@jkr.gov.my>; mrosdis@jkr.gov.my <mrosdis@jkr.gov.my>; nubailah@mosti.gov.my <nubailah@mosti.gov.my>; nuwal@tourism.gov.my <nuwal@tourism.gov.my>; rafeahk@miti.gov.my <rafeahk@miti.gov.my>; sarimahsulaiman@sprm.gov.my <sarimahsulaiman@sprm.gov.my>; sukhairi@kimia.gov.my <sukhairi@kimia.gov.my>; thahirah@doe.gov.my <thahirah@doe.gov.my>
Subject: JEMPUTAN KE SESI TAKLIMAT BAGI PROGRAM EXECUTIVE DEVELOPMENT PROGRAMME (EDP) DI NATIONAL HRD INSTITUTE (NHI), KOREA SELATAN BAGI TAHUN 2022 - THE 86TH EDP (SENIOR) GRED 48 HINGGA 54

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

YBrs. Dr./ Ir./ Tuan/ Puan,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa YBrs. Dr./ Ir./ Tuan/ Puan telah

terpilih sebagai peserta untuk mengikuti **Program Pembangunan Eksekutif (EDP) Supporting Gred 48-54 di National Human Resources Development Institute (NHI), Korea Selatan Tahun 2022 pada 21 Ogos 2022 hingga 3 September 2022**. Oleh yang demikian, YBrs. Dr./ Ir./ Tuan/ Puan adalah dijemput untuk menghadiri **satu sesi taklimat** yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 4 Ogos 2022 (Khamis)
Masa : 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari
Tempat : Secara Dalam Talian (Google Meet - https://meet.google.com/utv-kqgg-jtb**)**

3. Untuk makluman YBrs. Dr./ Ir./ Tuan/ Puan, Jabatan ini akan menguruskan tempahan tiket kapal terbang pergi balik (Kuala Lumpur - Korea Selatan - Kuala Lumpur) dan juga pembayaran elaun semasa berkursus. **Bagi memudahkan proses, kerjasama tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan salinan dokumen yang disenaraikan kepada sc.bmi@jpa.gov.my dan disalinkan kepada saya (syafiq.azmi@jpa.gov.my) selewat-lewatnya pada 28 Julai 2022 (Khamis) sebelum jam 4.00 petang. Kelewatan menyerahkan salinan dokumen tersebut boleh menyebabkan kelewatan pembayaran elaun YBrs. Dr./ Ir./ Tuan/ Puan** memandangkan proses pembayaran elaun adalah diuruskan secara berkumpulan. Salinan dokumen yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

(i) Surat penerimaan tawaran kursus - Lampiran A
- Setiap peserta diwajibkan mengisi penerimaan tawaran kursus pendek bagi tujuan rekod Jabatan ini.

(ii) Salinan buku akaun/ penyata bank *(online)*
- Salinan buku akaun/ penyata bank yang dikemukakan hendaklah **mempunyai catatan nama penuh** tuan/puan sahaja.
- Jabatan ini mencadangkan penggunaan akaun Maybank atau CIMB bagi memudahkan penyelarasan proses pembayaran elaun tersebut.

(iii) Borang tuntutan elaun pakaian panas - Lampiran B
- Borang tersebut hendaklah diisi dan **ditandatangani oleh Bahagian/ Unit yang memegang hal ehwal perkhidmatan di Jabatan masing-masing.**
- Sekiranya tuan/puan pernah membuat tuntutan elaun pakaian panas, sila kemukakan perihal tuntutan terdahulu (seperti catatan salinan buku perkhidmatan) bagi tujuan semakan kelayakan terkini.

(iv) Salinan Passport

- Tempoh sah laku adalah enam (6) bulan dari tarikh tamat.

(V) Borang Perakuan Ketua Jabatan - Lampiran C (sekiranya agensi tuan/ puan mempunyai borang perakuan Ketua Jabatan sendiri, ianya juga boleh digunakan dan turut diterima)

4. Kehadiran YBrs. Dr./ Ir./ Tuan/ Puan peserta kursus ke sesi taklimat adalah diwajibkan memandangkan semua **maklumat tambahan berhubung pelaksanaan kursus ini akan dimaklumkan semasa sesi taklimat tersebut**. Bersama-sama dengan ini juga disertakan dokumen berkaitan sebagaimana di lampiran untuk tindakan lanjut tuan/puan. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada **saya di talian 03-88853432/ 0133805280 (syafiq.azmi @jpa.gov.my) atau Encik Mohammad Farid bin Shafie di talian 03-88853777 (farid.shafie@jpa.gov.my)**. Kerjasama dan perhatian YBrs. Dr./ Ir./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

-melalui e-mel-

MUHAMMAD SYAFIQ BIN AZMI
Unit Kursus Jangka Pendek
Kluster Pembangunan Strategik Dalam Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya
MALAYSIA

Tel : +603 8885 3432
Emel : ***syafiq.azmi@jpa.gov.my***
Emel Group : sc.bmi@jpa.gov.my

Peringatan
Pengguna Perkhidmatan MyGovUC 2.0 adalah bertanggungjawab melindungi kerahsiaan data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Adalah diingatkan agar pengguna sentiasa peka dengan SEMUA peraturan, arahan keselamatan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa bagi semua pengendalian data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan yang berkaitan.